

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]**

**TARIKH : 23.05.2016 (ISNIN)**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan  
rasional penubuhan Kementerian bagi mewujudkan unit bergerak yang  
akan bergerak dari pasar ke pasar di seluruh negara untuk memantau  
dan memeriksa harga barangan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian telah menubuhkan Skwad Tindakan Aduan Resolusi@Pegguna (STAR@PENGGUNA) yang menggunakan sebuah kenderaan sebagai kaunter mudah alih. Pasukan STAR@PENGGUNA ini akan bergerak dari satu lokasi ke lokasi dan menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis di sekitar lokasi dan mengeluarkan kenyataan pemeriksaan bagi setiap premis yang diperiksa. Skwad ini bertujuan untuk menerima dan mengurus aduan secara bersemuka dengan pengguna di kawasan tumpuan terpilih seperti pasar-pasar. Rasional penubuhan skuad ini adalah untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang sihat dan beretika.

Kehadiran skuad ini juga mampu meningkatkan *omnipresence* pegawai di lapangan bagi mewujudkan '*silent impact*' kepada pengguna dan peniaga dan seterusnya mampu meningkatkan imej dan kewibawaan Kerajaan dan mendapat keyakinan pengguna.

Kementerian juga turut mewujudkan Kaunter Khidmat Pengguna (K2P) di 100 buah pasar-pasar utama terpilih di seluruh negara. Pengguna boleh membuat aduan dan membuat semakan semula timbangan bagi barangan yang dibeli menggunakan alat timbang yang disediakan di kaunter tersebut.